

# Mereka bukan satu kuasa yang kuat

# Ekstrimis agama

# tidak dapat ubah

# dunia – Dr. Mahathir

SINGAPURA 15 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menolak kemungkinan golongan ekstrimis agama dapat mengubah dunia kerana mereka tidak berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar dan bukanlah satu kuasa yang kuat seperti yang difikirkan oleh kebanyakan orang.

Serentak dengan itu Perdana Menteri berkata, golongan ini tidak boleh ditakrif sebagai fundamentalis Islam sebaliknya adalah ekstrimis agama yang membuat tafsiran ajaran agama mengikut kehendak mereka.

“Saya menganggap diri saya fundamentalis Islam kerana berpegang kepada ajaran agama bukan dalam bentuk tafsiran misalnya saya sebagai orang Islam tidak boleh bercakap dengan orang bukan Islam,” katanya.

Beliau menyatakan demikian sebagai menjawab soalan salah seorang dari lebih 1,000 hadirin selepas menyampaikan ceramahnya di siri ceramah Singapura di sini malam tadi.

Perdana Menteri ditanya apakah beliau berpendapat fundamentalis Islam mempunyai pengaruh untuk mengubah dunia.

Sebelum itu Perdana Menteri telah menyampaikan ceramahnya bertajuk: *Keserantaian, keduniaan dan skop pengaruh ASEAN dan perubahan cabaran ke dalam abad ke-21* anjuran Institut Pengajian Asia Tenggara di Dewan Persidangan Singapura.

Majlis itu dihadiri oleh Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew, para menteri kabinet negara ini, para diplomat, tokoh-tokoh cendekiawan dan perniagaan tempatan dan luar negeri.

Perdana Menteri telah dihujani oleh berbagai soalan dalam dewan yang penuh sesak itu termasuk mengenai keistimewaan bumiputera, masa depan ASEAN, kerjasama

ma rantau Pasifik dan berbagai isu antarabangsa.

Dalam jawapannya mengenai soal pengaruh ekstrimis agama yang nyata menarik minat para hadirin, beliau berkata sesiapa pun tidak perlu merasa resah tentang kemungkinan golongan ini akan dapat mengubah dunia.

“Ini kerana mereka bukanlah fundamentalis Islam tetapi golongan ekstrimis dan tidaklah begitu kuat seperti yang difikirkan,” ujarnya.

Dalam hubungan ini beliau memberi contoh tentang satu masalah yang menurutnya dihadapi di Malaysia di mana sekumpulan orang yang merasa Islam itu adalah dengan memakai gaun dari jubah berwarna hijau.

Tanpa menyebut siapa mereka, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata mereka telah dapat mempengaruhi setengah-setengah orang terutama wanita.

## Pendirian

“Mereka misalnya menggalakkan kahwin lebih dari satu, mungkin mereka dapat keseronokan darinya dan meminati perkara-perkara lain,” ujarnya.

Kepada satu soalan lain Perdana Menteri menegaskan beliau tetap berpegang kepada pendirian masyarakat peribumi sesebuah negara perlu diberi keistimewaan selagi kedudukan mereka dari berbagai segi belum setanding dengan masyarakat lain yang datang kemudian ke negara itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata adalah perkara biasa bagi masyarakat peribumi merasa diri mereka terancam dan perlu dilindungi dalam keadaan seumpama itu.

Sebaliknya, beliau berkata ada ma-

syarakat peribumi yang kukuh kedudukan mereka akan merasa resah jika berbagai keistimewaan diberi kepada masyarakat yang datang kemudian.

Beliau bertanya apakah rakyat Britain sanggup melihat orang-orang Bangladesh yang masuk ke negara itu dibenar buka sekolah mereka sendiri dan sebagainya.

Menurutnya di Australia bukan satu rahsia lagi, orang-orang kulit putih tidak begitu gemarkan kemasukan orang-orang Asia sedangkan mereka sendiri bukan masyarakat peribumi negara itu.

“Saya pernah bertanya serombongan ahli Parlimen Australia yang datang menemui saya untuk menyoal tentang hal-hal dalam negeri Malaysia kenapakah mereka tidak menerima 20 juta orang Asia ke negara itu sedangkan Australia sebuah negara besar,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, di Australia masyarakat peribuminya iaitu orang-orang asli negara itu terbiar dan jauh ketinggalan.

Kepada satu soalan dari tokoh pembangkang Singapura, Encik J.B. Jeyaratnam apakah beliau fikir wajar rakyat sesebuah negara perlu diberi peluang lebih meluas dalam menentukan sesuatu keputusan kerajaan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata adalah tidak wajar untuk menganggap satu suara sekumpulan orang yang ramai semestinya betul manakala kumpulan kecil semestinya salah.

Beliau lalu meminta disedari hakikat bahawa menjadi kebiasaan dalam masyarakat terdapat ramai juga orang yang sukar dibawa berunding dan gemar membangkang.

Namun begitu, katanya di Malaysia, kerajaan sentiasa memberi peluang kepada rakyat menyuarakan pendapat misalnya dalam usaha menggubal Dasar Ekonomi Baru selepas 1990.